



## Paspa APM kendali anjing pengesan

**Kajang:** Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) sentiasa komited dalam memberikan latihan khusus kepada anggota untuk memberikan khidmat kepada orang ramai walaupun berdepan kekangan peruntukan dan aset.

Ketua Pesuruhjayanya Aminurrahim Mohamed berkata, komitmen itu dipamerkan menerusi penubuhan Pasukan Khas Pertahanan Awam (Paspa) yang diberikan latihan khusus termasuk pengendalian anjing pengesan.

"Kita menyedari terdapat kekangan dari segi peruntukan untuk mendapatkan aset, namun ia bukan alasan untuk kita memulakan langkah menggerakkan anggota supaya mereka dibekalkan dengan kemahiran yang membantu meningkatkan tahap perkhidmatan agensi ini.

"Setakat ini, kita tiada anjing pengesan dan melalui kerjasama dengan Persatuan SAR DOGs Malaysia sejak 2019, APM sudah terbabit dalam tiga operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) termasuk dalam kejadian tanah runtuh di Batang Kali, baru-baru ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media dalam majlis menandatangani Nota Persefahaman dan Anugerah Penghargaan daripada Persatuan Haiwan Terbiar Malaysia di Lembah GISB, di sini, semalam.

Turut hadir, Presiden SAR DOGs Malaysia Datuk Dr Mohd Nordin Mohd Nor, Presiden Persatuan Hai-



**"Kita menyedari kekangan dari segi peruntukan mendapatkan aset"**

Aminurrahim

wan Terbiar Malaysia R Kalaiva-

nan dan

Ketua Pegawai Eksekutif GISB Holding Datuk Lokman Hakim Pfordten Abdul Rahim.

Aminurrahim berkata, setakat ini, Paspa terdiri daripada 94 anggota yang terdedah dengan latihan khusus berkenaan.

Sementara itu, Mohd Nordin berkata, pihaknya memiliki sembilan anjing pengesan yang mana setiap haiwan berkenaan mempunyai kebolehan tersendiri.

Menurutnya, anjing berkenaan adalah milik persembirian yang dilatih dengan dikendalikan oleh pemiliknya supaya boleh mengikut arahan diberikan.

"Dalam operasi SAR di Batang Kali baru-baru ini, terdapat seekor anjing yang dikenali sebagai Tar terbabit pada hari pertama operasi berkenaan.

"Tar hanya terbabit pada hari pertama operasi kerana ia mempunyai kebolehan mengesan orang hidup yang mana tempoh awal bencana itu berlaku adalah amat penting bagi mengesan individu selamat," katanya.